



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 15 April 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 14/2026

Semua Pelajar Program Prasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2025/2026

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 akan diadakan mulai **6 hingga 26 Julai 2026**.

2. Semua pelajar perlu membuat pengesahan kursus dan **Draf Jadual Waktu Peperiksaan** melalui SMPWeb iaitu <https://www.ukm.my/smpweb> mulai **27 April hingga 3 Mei 2026**. Tindakan yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membaca dan melengkapkan borang **AKU JANJI PELAJAR** di SMPWeb;
- ii) Menyemak dan membuat pengesahan ke atas semua kursus yang didaftarkan dan **Draf Jadual Waktu Peperiksaan** akhir bagi semester semasa. Sekiranya semua maklumat adalah tepat dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, pelajar perlu menekan butang "**SAH**"; dan/atau
- iii) Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan atau **tiga (3) peperiksaan dijadualkan berturut-turut dalam satu hari**, pelajar perlu menyenaraikan kursus terlibat dan memaklumkan kepada Timbalan Dekan (Prasiswazah) di fakulti masing-masing selewat-lewatnya pada **4 Mei 2026**.

3. Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, segala butiran kursus yang direkodkan dianggap betul dan lengkap.

4. Pelajar juga akan dikenakan denda lewat pengesahan masuk peperiksaan sebanyak **RM15.00**. Bayaran denda tersebut hendaklah dilakukan melalui SMPWeb mulai tarikh akses dan cetakan **Kad Masuk Jadual Peperiksaan (KMJP)** dibuka.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar dalam perkara ini amat dihargai.

...2/-



Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan
Fakulti/Pusat
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Ketua Pentadbiran
Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

-2-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my



MINGGU PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2025/2026 PELAJAR PRASISWAZAH

27 APRIL 2026
HINGGA
3 MEI 2026

